

16 MAR 2002

MALAYSIA UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA IRELAND/I

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Ireland Mary McAleese sempena sambutan Hari St Patrick.

Dalam perutusan yang salinannya difakskan ke Bernama oleh Wisma Putra, Yang di-Pertuan Agong berharap McAleese sentiasa berada dalam keadaan sihat dan rakyat Ireland pula terus menikmati kemakmuran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengirim perutusan serupa kepada rakan sejawatan beliau, Bertie Ahem.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir melahirkan rasa gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara bertambah kukuh sejak kebelakangan ini.

"Saya harap Malaysia dan Ireland akan terus mempererat dan memperkukuhkan lagi kerjasama dua hala dalam semua bidang bagi faedah negara serta rakyat kita," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga mengirim ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya, Brian Cowen.

Dalam perutusan beliau, Syed Hamid berkata hubungan antara kedua-dua negara telah mencapai tahap baru dengan pembukaan Kedutaan Malaysia di Dublin baru-baru ini.

"Saya yakin hubungan kukuh dan mesra yang dinikmati kedua-dua negara kita akan terus dipertingkatkan demi faedah bersama," katanya.

-- BERNAMA

NM HK SP RON